SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. 199601037981 (410334-X)
1, Persiaran Dato' Menteri, Section 2, P.O Box 7035
40700 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. MALAYSIA
Tel : 603-5544 6000
www.sirim-qas.com.my

Tarikh : 24 Mac 2025

No. Rujukan : ES10170026

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO KE ATAS SD GUTHRIE BERHAD - STRATEGIC OPERATING UNIT (SOU) 29 - GIRAM**

SD Guthrie Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 29 - Giram telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "*Malaysian Sustainable Palm Oil"* (MSPO), MS 2530:2022 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2022 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2022 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembanggunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Nama unit pengurusan | : | SD Guthrie Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 29 - Giram |
| 2. | Tarikh mula audit | : | 13 Mei 2025 |
| 3. | Tarikh akhir audit | : | 16 Mei 2025 |
| 4. | Lokasi audit | : | Giram Estate, 91207 Kunak, Sabah<br>Mostyn Estate, 91207 Kunak, Sabah |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : | 8230.13 Ha / 60 MT/hr |
| 6. | Standard yang digunakan | : | MSPO MS 2530-3-2:2022<br>MSPO MS 2530-4-1:2022 |
| 7. | Ahli pasukan audit dan bidang kepakaran | : | 1) Dzulfiqar Azmi<br>2) Ahmad Kamal Shahabuddin |

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 13 Mei 2025**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami http://www.sirim-qas.com.my.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:
Cik Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
No. 1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel: 03-5544 6119 | E-mel: kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

**MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di** : SD Guthrie Berhad - Strategic Operating Unit (SOU) 29 - Giram
______________________________

Saya merujuk kepada surat bertarikh ……………………….. untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

- ☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang — Sila huraikan : ______________________________
- ☐ Isu berkaitan aspek sosial — Sila huraikan : ______________________________
- ☐ Isu berkaitan alam sekitar — Sila huraikan : ______________________________
- ☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan — Sila huraikan : ______________________________
- ☐ Lain-lain — Sila huraikan : ______________________________

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : ______________________________
Jawatan : ______________________________
No. telefon . : ______________________________
Alamat e-mel : ______________________________

Terima kasih

Yang ikhlas,

…………………………
Nama :
Alamat :
No. Tel. :